

LEMBARAN MAKLUMAT PESAKIT

Institut Kesihatan Mental (IMH) adalah sebuah hospital psikiatri tertuari di Singapura. Kami sentiasa berusaha untuk memperbaiki perkhidmatan kami dan memastikan bahawa pesakit-pesakit dan pengunjung dijaga dan diberi perhatian dengan secukupnya. Kami menyedari bahawa setiap pesakit itu unik dengan keperluan, keupayaan, nilai moral dan kepercayaan yang tersendiri. Kakitangan kami akan berusaha untuk membuat kunjungan, konsultasi serta rawatan / penginapan anda di Institut Kesihatan Mental (IMH) ini bermanfaat dan selesa.

IMH mengamalkan kaedah pasukan berbilang disiplin dalam penjagaan pesakit. Pakar psikiatri, para doktor, jururawat dan semua kaki-tangan kesihatan akan bekerjasama dengan anda dan penjaga anda, untuk mencapai hasil perubatan dan kesihatan yang terbaik bagi anda. Pasukan kesihatan anda akan menjelaskan, mendidik dan menasihati anda mengenai penyakit yang anda alami, serta rawatan dan penjagaannya. Jangan ragu-ragu untuk berjumpa dengan para petugas kami pada bila-bila masa jika anda memerlukan sebarang bantuan.

Senarai Perkhidmatan IMH

Perkhidmatan Pakar Perubatan Ketagihan Psikiatri Masyarakat Pakar Psikiatri untuk Kanak-kanak Tindakan Awal Psikosis Kecemasan dan Penjagaan Krisis Pakar Psikiatri Forensik Pakar Psikiatri Am Pakar Geriatrik Perkhidmatan Penjagaan Perubatan Mood dan Kebimbangan Psikiatri Pemulihan	Khidmat Sokongan Kesihatan Psikologi Pekerja Perubatan Sosial Terapi Rawatan Pekerjaan Fisioterapi Farmasi Pengurusan Kes	Perkhidmatan Lain Perkhidmatan Makmal Diagnosis Perkhidmatan X-ray Perkhidmatan pergigian (Catatan: Ini adalah perkhidmatan kontrak oleh penyedia luar)
--	---	---

Waktu Melawat

Wad Umum	Setiap hari	12 tengahhari - 2 petang dan 5 petang - 7 malam
Unit Rawatan Psikiatri Kebergantungan Tinggi	Setiap hari	11.30 pagi - 1.30 petang dan 5.00 petang - 7.00 malam
Wad Forensik (untuk ahli keluarga terdekat sahaja):		
70B Forensik Penginapan Panjang	Selasa & Sabtu	2.30 petang – 3.30 petang
70B Forensik Akut	Sabtu sahaja	
75A/B Forensik Penginapan Panjang	Rabu & Ahad	10 pagi – 11 pagi
75A/B Forensik Akut	Ahad sahaja	

Waktu Klinik (Semua lawatan mengikut temu janji sahaja)

Sayang Wellness Clinic (SWC) 10 Buangkok View, Blk 1, L2, Singapore 539747 Tel: 6389 2200	Isnin - Khamis: 8 pagi - 5.30 petang Jumaati: 8 pagi - 5 petang
Clinic B 10 Buangkok View, Blk 1, L1, Singapore 539747 Tel: 6389 2200	
National Addictions Management Service (NAMS) Clinic 10 Buangkok View, Blk 9, B1, Singapore 539747 Tel: 6389 2200	
Child Guidance Clinic (CGC) - Sunrise Wing 10 Buangkok View, Blk 3, B1, Singapore 539747 Tel: 6389 2200	
Child Guidance Clinic (CGC) - Health Promotion Board 3 Second Hospital Avenue, #03-01, Singapore 168937 Tel: 6389 2200	
Community Wellness Clinic (CWC) - Queenstown 580 Stirling Road, Queenstown Polyclinic L4, Singapore 148958 Tel: 6389 2200	Isnin, Selasa, Khamis: 8 pagi - 5.30 petang Rabu: 8 pagi – 12.30 tengah hari Jumaat: 8 pagi - 5 petang

Community Wellness Clinic (CWC) - Geylang 21 Geylang East Central, Geylang Polyclinic L4, Singapore 389707 Tel: 6389 2200	Isnin, Selasa, Khamis, Jumaat: 8 pagi - 5 petang Rabu: 8 pagi – 12.30 tengah hari
---	--

Contact Us

Temujanji Pesakit Luar Isnin - Jumaat (8.00 pagi - 6.00 petang)	6389 2200 / e-mel: imh.appt@nhghealth.com.sg / Borang dalam talian: for.sg/imhappt
Pertanyaan Umum (Perkhidmatan 24 Jam)	6389 2000 / e-mel: imh.enquiry@nhghealth.com.sg
Pertanyaan Pembayaran Isnin – Jumaat (8.30 pagi - 5.30 petang)	6407 8128
Pejabat Rekod Perubatan Isnin – Jumaat (8.30 pagi - 5.30 petang)	6389 2031 / e-mel: imh.mro@nhghealth.com.sg
Pejabat Perhubungan Pesakit - Perkhidmatan Berkualiti Isnin - Khamis (9 pagi - 5 petang) Jumaat (9 pagi - 4.30 petang)	6389 1918 / e-mel: imh.qsm@nhghealth.com.sg
Talian Minda Nasional 1771 (Perkhidmatan 24 jam) Untuk sokongan kesihatan mental 24/7, anda boleh menghubungi talian mindline kebangsaan 1771	Talian Kecemasan: 1771 WhatsApp: Mesej 6669 1771

Kami ingin mengambil kesempatan ini untuk memberitahu anda mengenai beberapa aspek penjagaan dan rawatan semasa anda bersama kami.

Sebagai pesakit, persetujuan anda akan diminta untuk rawatan tertentu dan penyelidikan. Jika keadaan mental anda tidak membolehkan anda memberi sebarang kebenaran, maka undang-undang membolehkan para waris dan wakil sah untuk memberikan kelulusan, sesuai dengan ketentuan undang-undang Singapura.

IMH diwartakan di bawah Akta Kesihatan Mental (Penjagaan dan Perubatan) 2008. Akta ini membolehkan penahanan seseorang yang mengalami gangguan mental di rumah sakit untuk mendapatkan rawatan secara wajib jika dinilai oleh Pengamal Perubatan Yang Ditetapkan (DMP), bahawa ia adalah mustahak demi kepentingan kesihatan atau keselamatan orang tersebut atau perlindungan orang lain. Kemasukan sedemikian diistilakan sebagai tidak sukarela dan tempoh penahanan berbeza mengikut kes. Rawatan dan penjagaan untuk pesakit-pesakit ini akan sama seperti pesakit lain yang menjalani rawatan secara sukarela.

Penyelidikan atau kajian turut dijalankan di hospital ini dan anda mungkin dijemput untuk menyertai dalam penyelidikan atau ujian klinikal. Ujian-ujian berikut telah diperiksa dengan teliti dan diluluskan oleh Badan Penguasa Penyemakan Tertentu dari NHG (Domain Specific Review Board of NHG). Jika anda terpilih, kami akan menjelaskan pada anda dan mengambil persetujuan bertulis dari anda. Anda boleh menolak dari menyertainya atau menarik diri dari sebarang kajian pada bila-bila masa dan ini tidak akan menjejaskan mutu penjagaan atau rawatan anda di hospital ini.

IMH adalah sebuah hospital pendidikan perubatan yang bertauliah untuk mahasiswa perubatan, latihan para psikiatri, jururawat, ahli psikologi, ahli farmasi, pekerja sosial, jurupuluh pekerjaan dan kaunselor. Semasa lawatan anda kemari, anda mungkin bertemu mereka sewaktu didalam wad atau klinik. Bagaimanapun penyertaan anda dalam latihan mereka hanya akan berlaku dengan persetujuan lisan. Jika anda buat pilihan tidak menyertainya, keputusan anda tidak akan menjejaskan mutu penjagaan dan rawatan anda di hospital ini.

Di IMH, kami memberi keutamaan penuh dan komited untuk menyediakan khidmat penjagaan kesihatan yang bermutu tinggi. Jika anda merasa menerima rawatan yang kurang memuaskan, harap anda berunding dengan pasukan perubatan anda. Maklum balas, pandangan serta ulasan anda amat penting dan di alu-alukan dan akan diberi pertimbangan.

Terima kasih.

Dr Mervyn Jamie Lim
Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Kesihatan Mental